

31 MAR 2002

Keganasan-Sekatan/I

PALESTIN MAHU SEKATAN EKONOMI TERHADAP ISRAEL

SEPANG, 31 Mac (Bernama) -- Palestin akan cuba sedaya yang boleh untuk meyakinkan negara-negara Islam dan masyarakat antarabangsa supaya mengenakan sekatan ekonomi terhadap Israel, kata Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi.

Palestin akan meminta negara-negara Islam bersatu dalam usaha untuk mengenakan tekanan terhadap Israel supaya menghentikan kekejaman yang berterusan terhadap rakyat Palestin, kata beliau.

"Sekatan ekonomi terhadap Israel adalah antara permintaan kami semasa sesi khas ini," kata beliau kepada Bernama selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, hari ini, untuk menghadiri Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini.

Beliau berkata, Palestin berharap sesi khas itu akan menerima resolusi-resolusi tertentu berhubung sekatan ekonomi terhadap Israel.

"Jadi kami berharap persidangan ini akan menerima beberapa resolusi dalam hal ini yang sesuai memandangkan perkembangan sekarang ini...," katanya.

Dalam perkembangan terbaru, Israel telah melancarkan gerakan ketenteraan secara besar-besaran terhadap rakyat Palestin di wilayah-wilayah yang diduduki, termasuk kawasan ibu pejabat kerajaan Palestin di Ramallah, di mana Presiden Yasser Arafat dikepung.

Sekurang-kurangnya 1,000 warga Palestin dan lebih kurang 400 warga Israel terbunuh dalam kebangkitan ataupun 'intifada' rakyat Palestin terhadap rejim Israel yang turut menjejaskan proses keamanan di Asia Barat.

"Ia sebahagian daripada misi kita untuk menyampaikan mesej kami kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai tindakan tegas yang diperlukan terhadap Israel dan bagi membela nasib rakyat Palestin," katanya.

Kaddoumi juga mahukan negara-negara Islam mengenakan tekanan terhadap Amerika Syarikat untuk menamatkan keganasan rejim Yahudi itu terhadap rakyat Palestin.

Ditanya sama aa beliau akan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar sesi khas selama tiga hari itu, Kaddoumi berkata: "Kami berharap demikian. Kami akan menyampaikan mesej rakyat Palestin dan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat kepada beliau (Dr Mahathir)."

"Kami juga akan menjelaskan mengenai perkembangan terbaru di Palestin," katanya.

-- BERNAMA

DC ZS PR